Pendakwa Raya lwn Hanni Seo

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — RAYUAN JENAYAH NO 42H-93 TAHUN 2009
MOHD AMIN FIRDAUS PK
29 DECEMBER 2009

Prosedur Jenayah — Hukuman — Kesetimpalan — Rayuan — s 307 Kanun Keseksaan — Pembantu rumah warga negara Indonesia menyebabkan kecederaan yang parah ke atas majikan — Pengakuan bersalah — Kepentingan awam — Sama ada hukuman yang diberi setimpal dengan kesalahan — Sama ada hukuman patut diubah

Responden, seorang pembantu rumah warganegara Indonesia berumur dalam lingkungan 23 tahun sembilan bulan, telah menyebabkan kecederaan yang parah ke atas mangsa, iaitu majikannya, seorang perempuan Cina. Responden telah menyerang kepala dan bahagian perut mangsa iaitu bahagian tubuh badan yang lut (vulnerable) dengan menggunakan alat yang berbahaya seperti kerusi kayu, lesung batu dan pisau. Dia telah didakwa melakukan kesalahan di bawah s 307 Kanun Keseksaan. Responden telah mengaku salah dan hakim mahkamah sesyen telah menjatuhkan hukuman penjara empat tahun dan lapan bulan daripada tarikh penangkapannya iaitu pada 26 Februari 2009. Pihak pendakwaan yang tidak berpuas hati dengan hukuman tersebut, kini merayu terhadapnya atas alasan bahawa hukuman tersebut tidak setimpal dengan kesalahan. Alasan responden menyerang majikannya secara tiba-tiba adalah kerana dia tidak dibayar gaji selama 20 bulan dan majikan sering memarahinya.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Lazimnya seorang peguam hanya akan menitik beratkan kepentingan anak guamnya iaitu tertuduh tanpa mempedulikan kesan perbuatan tertuduh ke atas mangsa sendiri dan keluarganya (lihat perenggan 21).

(2) Keadilan bukan seharusnya diberikan kepada responden sahaja malahan mangsa dan keluarganya termasuk masyarakat pada keseluruhannya juga berhak kepadanya. Hukuman tujuh tahun adalah berpatutan kerana ianya berunsur elemen 'deterrence' kerana kini terdapat beribu-ribu pembantu rumah di Malaysia (lihat perenggan 22 & 31).

(3) Memandangkan majikan tidak mengurung responden di dalam rumah, maka responden mempunyai peluang yang mencukupi untuk mengadu kesengsaraannya kepada mana-mana pihak, seumpamanya kakaknya yang juga bekerja sebagai pembantu rumah di Malaysia, Konsulat

A Indonesia di Pulau Pinang, atau kepada pihak polis. Responden juga boleh membuat panggilan telefon kepada kawannya atau kakaknya untuk meminta pertolongan. Oleh yang demikian tidak perlu bagi responden mengambil tindakan sedemikian yang mungkin boleh menyebabkan kematian mangsa (lihat perenggan 25).

B

[English summary

The respondent, an Indonesian house maid aged approximately 23 years, had caused severe injuries to the victim, her employer, a Chinese woman. The respondent had attacked the victim's head and abdominal part ie the C vulnerable part of her body with dangerous tools such as wooden chair, mortar, and a knife. She was alleged to have committed the offence under s 307 of the Penal Code. The respondent had pleaded guilty and the sessions court judge sentenced her to four years and eight months imprisonment commencing from the date of her arrest ie 26 February 2009. The D prosecution, not satisfied with the punishment, appealed against it on the ground that the sentence did not commensurate with the offence. The respondent's reason for the sudden attack was that she was not paid the salary for 20 months and the employer had always been scolding her.

E **Held**, allowing the appeal:

(1) Generally an advocate would only consider the interest of his client ie the accused without having regard to the effect of the action of the accused to the victim and his family (see para 21).

F (2) The justice was not only for the respondent but the victim and her family including the public as a whole was also entitled to it. The sentence of seven years was adequate as it was deterrent as there were thousands of house maids in Malaysia (see paras 22 & 31).

(3) As the employer had not imprisoned the respondent in the house, the G respondent had sufficient opportunity to report/complain her agony to any party, such as her sister who was also working as a house maid in Malaysia, the Indonesian Embassy in Penang, or to the police. The respondent could have also made telephone calls to her friends or her sister asking for help. Therefore it was not necessary for the respondent H to take such a step which could have been fatal to the victim (see para 25).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kesetimpalan hukuman, lihat 5(2) *Mallal's Digest* I (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 3290–3323.

Kes-kes yang dirujuk

Bachik bin Abdul Rahman v PP [2004] 2 MLJ 534; [2004] 2 CLJ 572, MR (dirujuk)

PP v Yee Tham Soon [2000] MLJU 561; [2000] 7 CLJ 519, MT (dirujuk) A

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan s 307(1)

Uma Dewi (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu. B
VM Ravi (VM Ravi & Associates) bagi pihak responden.

Mohd Amin Firdaus PK:

LATAR BELAKANG C

[1] Pada 18 Ogos 2009, responden bernama Hanni Seo berumur 23 tahun sembilan bulan dan seorang warganegara Indonesia, mengaku salah kepada pertuduhan sepertimana berikut: D

Pertuduhan

> Bahawa kamu pada 26hb Februari 2009, jam Iebih kurang 10.00 pagi, di dalam rumah No 55–6–2, Sri Mahsuri, Lorong Sempadan 2, Rifle Range, 11400, Air Itam di dalam Daerah Timur Laut di dalam Negeri Pulau Pinang telah mencederakan penama Phang Kian Huang (P) KPT: 670316–17–5272 dengan bersenjatakan sebuah kerusi kayu, sebuah lesung batu dan sebilah pisau pemotong sayur, yang boleh mendatangkan kecederaan atau kematian; oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksaan. E F

[2] Responden adalah pembantu rumah kepada mangsa Phang Kian Huang. Majikannya ialah seorang perempuan Cina.

[3] Pada akhir perbicaraan hari yang sama, Yang Arif Tuan Hakim Mahkamah Sesyen, menjatuhkan hukuman penjara empat tahun dan lapan bulan daripada tarikh penangkapan responden iaitu 26 Februari 2009. G

[4] Pihak pendakwa yang tidak berpuas hati dengan hukuman tersebut, kini merayu terhadapnya. H

PENGHUJAHAN PIHAK PENDAKWA

[5] Yang Arif Puan Timbalan Pendakwa Raya berhujah bahawa hukuman tersebut tidak setimpal dengan kesalahan berdasarkan alasan-alasan berikut. I

[6] Responden telah pun menyebabkan kecederaan yang parah ke atas mangsa iaitu majikannya.

A [7] Semasa mangsa sedang tidur, responden mengetuk kepala mangsa dengan sebuah kerusi kayu. Sungguh pun darah mengalir keluar dari kepala mangsa dan mangsa telah meminta maaf atas apa-apa kesalahannya yang beliau telah melakukan terhadap responden, namun begitu, responden masih tidak menghiraukan rayuannya.

B

[8] Selepas itu responden keluar dari bilik dan kembali dengan memegang sebilah pisau dapur dan kelihatan keadaan begini, mangsa cuba melarikan diri tetapi tidak berjaya lalu responden menetak beberapa bahagian badan mangsa. Badan mangsa berlumuran darah dan beliau menjerit untuk C pertolongan dan jeritannya didengar oleh pembantu rumah jiran. Seterusnya mangsa berpura-pura pengsan.

[9] Sekali lagi responden keluar dari bilik dan kembali ke dalam bilik dengan membawa lesung batu dan menghempaskan ke arah mangsa dan D terkena bahagian kepala dan dadanya.

[10] Kemudian responden meninggalkan mangsa.

E [11] Pengakuan bersalah responden bukan merupakan faktor untuk meringankan hukuman. Senjata yang digunakan mungkin akan mendatangkan kecederaan yang serius.

F [12] Beliau merujuk kepada kes *Bachik bin Abdul Rahman v Public Prosecutor* [2004] 2 MLJ 534; [2004] 2 CLJ 572 di mana Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa sungguh pun seorang tertuduh mengaku salah tidak semestinya mahkamah akan memberi 'discount' kerana mahkamah masih mempunyai budi bicara tertakluk kepada fakta kes dan hal keadaan.

G [13] Faktor umur juga bukan merupakan penentu untuk meringankan hukuman. Kes *Public Prosecutor v Yee Tham Soon* [2000] MLJU 561; [2000] 7 CLJ 519 dirujuk.

[14] Mahkamah sepatutnya mengambilkira kesan trauma yang disebabkan H ke atas keluarga mangsa.

RAYUAN RESPONDEN

[15] Peguam yang bijaksana menghujahkan bahawa responden tidak I dibayar gaji oleh majikan selama 20 bulan. Majikan sering memarahinya.

[16] Tindakan responden tidak dirancangkan terdahulu, 'sudden uncontrollable impulse'. Kakaknya juga bekerja sebagai pembantu rumah di Malaysia.

[17] Selepas kejadian berlaku, responden tidak melarikan diri dan memberi kerjasama kepada pihak polis. **A**

[18] Responden telah mengaku salah dan insaf atas kesalahannya.

[19] Inilah kesalahan pertama responden. **B**

MAHKAMAH

[20] Setelah mendengar penghujahan daripada kedua-dua belah pihak, mahkamah berpendapat bahawa ia mempunyai tugas bagi memberi keseimbangan kepada kepentingan responden dan mangsa. **C**

[21] Lazimnya seorang peguam hanya akan menitik beratkan kepentingan anak guamnya iaitu tertuduh tanpa mempedulikan kesan perbuatan tertuduh ke atas mangsa sendiri dan keluarganya. **D**

[22] Mahkamah ini berpendapat bahawa keadilan bukan seharusnya diberikan kepada responden sahaja malahan mangsa dan keluarganya termasuk masyarakat pada keseluruhannya juga berhak kepadanya. **E**

[23] Mahkamah ini menolak permohonan responden bagi menggantungkan pelaksanaan hukuman penjara tujuh tahun berkuatkuasa mulai daripada tarikh penangkapan kerana permohonan adalah tidak bermakna. Ini disebabkan bahawa responden kini sedang pun menjalani hukuman penjara empat tahun dan lapan bulan yang telah dijatuhkan oleh mahkamah sesyen. **F**

ALASAN-ALASAN MAHKAMAH BAGI MEMBENARKAN RAYUAN **G**

[24] Mahkamah menyedari fakta bahawa responden tidak dibayar gaji selama 20 bulan oleh mangsa dan kemungkinan besar ianya menyebabkan perasaan panas hati terpendam dalam hatinya sehingga beliau tidak boleh tahan lagi dengan mengakibatkan beliau tiba-tiba menyerang majikannya pada hari tersebut. **H**

[25] Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa majikannya tidak mengurung responden di dalam rumah dan justeru itu, beliau mempunyai peluang yang mencukupi untuk mengadu kesengsaraannya kepada mana-mana pihak, seumpamanya kakaknya yang juga bekerja sebagai pembantu rumah di Malaysia, Konsulat Indonesia di Pulau Pinang, atau kepada pihak polis. Responden juga boleh membuat panggilan telefon kepada kawannya atau kakaknya untuk meminta pertolongan. Oleh yang **I**

demikian tidak perlu bagi responden mengambil tindakan sedemikian yang mungkin boleh menyebabkan kematian mangsa. Beliau adalah bernasib baik sebab mangsa tidak mati hari tersebut, kalau tidak, responden akan dituduh dengan membunuh majikannya.

[26] Responden menggunakan alat yang berbahaya seperti lesung batu dan pisau untuk menyerang mangsa yang boleh mendatangkan kecederaan yang parah dan mungkin kematian. Beliau menyerang kepala dan bahagian perut mangsa iaitu bahagian tubuh badan yang lut (vulnerable).

[27] Tidak ada provokasi daripada mangsa.

[28] Kesalahan adalah serius. Seksyen 307(1) Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman penjara yang maksima 20 tahun jika perbuatan sedemikian juga menyebabkan kecederaan.

[29] Responden berumur hampir 24 tahun pada masa kejadian dan bukan begitu muda. Lebih-lebih lagi, beliau sepatutnya matang kerana datang jauh dari Indonesia untuk mencari nafkah di Malaysia di sini.

[30] Hukuman tujuh tahun berunsur elemen 'deterrence' kerana kini terdapat beribu-ribu pembantu rumah di Malaysia.

[31] Berdasarkan alasan-alasan tersebut, mahkamah membenarkan rayuan perayu.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed